

25 JUN 2002
Abdullah-Terharu
ABDULLAH TERHARU SOKONGAN MT

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau terharu dengan sokongan padu oleh anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno bagi beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri dan Presiden Umno seperti yang dihasratkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata Dr Mahathir masih kekal sebagai Perdana Menteri, Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) pada masa ini, dalam tempoh peralihan kuasa sehingga Oktober tahun depan.

"Saya sangat terharu dengan sokongan yang diberikan oleh MT kepada apa yang dihasratkan oleh Dr Mahathir dan dalam tempoh yang telah ditetapkan, akan berlaku peralihan kuasa secara teratur dan tersusun," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat khas Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Beliau berkata bahawa pada tempoh peralihan itu sehingga Oktober, Dr Mahathir masih Perdana Menteri, Presiden Umno dan Pengerusi BN.

Sebagai Timbalan Perdana Menteri, Abdullah berkata beliau akan terus menjalankan tugas hakikinya dan memangku tugas perdana menteri apabila ketiadaan Dr Mahathir.

Ditanya adakah semasa ketiadaan Dr Mahathir yang bercuti ke Itali sekarang, beliau memangku jawatan Perdana Menteri, Abdullah berkata secara teknikalnya pada masa ini Dr Mahathir telah menyerahkan kepadanya tugas untuk membuat segala keputusan yang diperlukan.

Katanya apabila Dr Mahathir bercuti panjang, beliau akan dilantik secara sah untuk memangku jawatan Perdana Menteri.

Abdullah berkata pada masa ini beliau juga tidak berhasrat untuk membuat sebarang dasar atau apa-apa keputusan tetapi akan menjalankan kerja dengan baik.

"Jika semasa beliau bercuti, beliau akan tahu apa yang berlaku di tanah air dan dalam kerajaan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata sepanjang tempoh peralihan kuasa itu, keberkesanan kerja dan status Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri akan dipelihara dan setiap pihak akan patuh kepadanya.

"Ini tidak bermakna dalam masa ini saya hendak mendahului beliau dan nak menonjolkan diri saya lebih daripada beliau, itu bukan caranya, atau hendak mengeluarkan dasar baru, tidak timbul kerana kehadiran Perdana Menteri mesti dihormati dan itupun kehendak kami semua yang bermesyuarat hari ini," katanya.

Mengenai pemilihan parti yang dijadual diadakan tahun depan, Timbalan Presiden Umno itu berkata perkara itu tidak dibincang pada mesyuarat MT hari ini.

Katanya perkara itu akan diputuskan oleh MT dan oleh Dr Mahathir sendiri dan sudah pasti ada mekanisme bagi menghadapi masalah berhubungan mesyuarat agung Umno tahun depan.

"Apabila ada sesuatu keputusan hendak dibuat (mengenai pemilihan parti) ia akan mengambil kira keputusan yang dibuat pada hari ini berkaitan dengan pandangan, pengganti dan lain-lain," katanya.

Mengenai kemungkinan berlaku perebutan kuasa antara anggota parti terutamanya di kalangan Naib Presiden Umno tahun depan, Abdullah berkata beliau yakin dengan perpaduan parti dan semangat bersatu padu serta bermuafakat demi keutuhan parti, apa jua masalah akan dapat diatasi.

"Kalau sesiapa membuat andaian bahawa selepas Dr Mahathir meletak

jawatan akan berlaku kelam kabut dan perkelahian, ini tidak akan berlaku dengan semangat yang telah ditunjukkan pada mesyuarat hari ini," katanya.

Abdullah turut melahirkan perasaan terharunya dengan sokongan yang diberikan oleh ketua-ketua komponen parti Barisan Nasional (BN) kepada beliau sebagai orang yang dikenal pasti untuk menggantikan Dr Mahathir.

Katanya setiap orang berasa sedih bahawa Dr Mahathir akan bersara tetapi itu satu realiti yang akan berlaku bahawa Perdana Menteri pada satu hari nanti akan tetap bersara.

"Cara BN ini adalah cara yang unggul dan unik kerana apa juga yang dihadapkan kepada BN untuk mempertimbangkan idea itu dan membuat keputusan, kita selalu rasa gembira kerana keputusan itu adalah satu yang sepakat," katanya.

Abdullah turut mengucapkan terima kasih kepada para pemimpin parti komponen BN kerana pernyataan sokongan mereka kepada beliau.

"Saya berjanji di waktu-waktu saya ditugaskan memangku, saya akan sentiasa menghargai apa juga kerjasama yang diberikan oleh pemimpin parti komponen," katanya.

Abdullah berkata beliau akan memberi keutamaan kepada semangat musyawarah ke arah mencapai keputusan yang sepakat.

Katanya langkah mencapai keputusan secara muafakat yang telah diamalkan oleh BN sejak dulu lagi, akan menghasilkan keyakinan yang lebih terhadap kestabilan politik yang diperlukan oleh negara.

-- BERNAMA

HS AZZ MAI